

P. PINANG PERLU SOKONGAN KERAJAAN PUSAT SIAPKAN MDEP, SPRWTS - PBAPP



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

14/06/2023

GEORGE TOWN, 14 Jun (Bernama) -- Pulau Pinang amat memerlukan sokongan padu dan bantuan kerajaan Pusat untuk menyiapkan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) dan melaksanakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) K. Pathmanathan berkata ini kerana Pulau Pinang akan kekal berisiko mengalami gangguan bekalan air yang besar apabila berlaku kejadian melibatkan Sungai Muda.

"Macam insiden Sungai Muda Mei baru-baru ini, yang telah menyebabkan kesulitan kepada 453,954 pengguna air di Pulau Pinang dan sebab itu, kami (PBAPP) tekankan betapa pentingnya MDEP dan SPRWTS untuk negeri ini.

"Jika satu lagi insiden Sungai Muda berlaku, ia sudah pasti akan menjejaskan bekalan air sehingga 453,954 pengguna di Pulau Pinang termasuk syarikat pembuatan multinasional yang beroperasi di Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas, Taman Perindustrian Batu Kawan dan Kawasan Perindustrian Bukit Minyak," katanya dalam kenyataan hari ini.

Media sebelum ini melaporkan pada 14 Mei lepas, lebih 250,000 akaun pengguna bekalan air di beberapa daerah di Kedah dan Pulau Pinang terjejas ekoran penurunan mendadak paras air Sungai Muda berpunca daripada kerosakan pintu kawalan air Sungai Muda.

Pathmanathan berkata kerajaan negeri dan PBAPP tidak dapat secara langsung dan sepenuhnya mengurangkan risiko kejadian daripada berulang kerana Pulau Pinang hanya mempunyai satu sumber air mentah utama iaitu Sungai Muda dan PBAPP mengabstrak air mentah daripada sungai di Lahar Tiang di Seberang Perai.

Beliau berkata sebahagian daripada Sungai Muda terletak di dalam wilayah Kedah dan kawasan tadahan air sungai itu iaitu Kompleks Hutan Ulu Muda juga terletak di Kedah dan di luar bidang kuasa kerajaan Pulau Pinang serta PBAPP.

"Pembangunan sumber air mentah untuk Pulau Pinang adalah tanggungjawab kerajaan Pusat dan perkhidmatan bekalan air juga dikawal selia oleh kerajaan Persekutuan di bawah Akta Industri Bekalan Air 2006 (Akta 655) dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654).

"Hanya kerajaan Pusat yang mempunyai dana, kuasa tadbir dan sumber untuk membolehkan projek penyaluran air mentah antara negeri seperti SPRWTS," katanya.

Beliau berkata tanpa MDEP dan SPRWTS yang lengkap, rakyat Pulau Pinang akan menghadapi kesulitan apabila berlaku kejadian yang melibatkan Sungai Muda.

"Oleh itu, bagi pihak rakyat dan perniagaan Pulau Pinang, PBAPP ingin merayu kepada kerajaan Pusat untuk campur tangan bagi mengurangkan risiko air kita secepat mungkin," katanya.

-- BERNAMA